

## **FUNGSI JAWATANKUASA BIOKESELAMATAN UNIVERSITI (IBCU/JBKU)**

Jawatankuasa Biokeselamatan Universiti (IBCU/JBKU) yang diwujudkan di bawah Peraturan Biokeselamatan 2010 (Kelulusan dan Pemberitahuan) yang berfungsi merangkumi perkara berikut:

- a) Menyediakan garis panduan kepada Penyelidik utama berkenaan polisi biokeselamatan dan permasalahan berkaitan penyelidikan menggunakan bahan biologi berisiko dan keselamatan staf makmal dan orang lain.
- b) Memberi sokongan kepada permohonan projek penyelidikan menggunakan bahan biologi berisiko setelah memastikan ia menepati kehendak Akta Biokeselamatan 2007 dan Peraturan Biokeselamatan 2010 (Kelulusan dan Pemberitahuan) dan dari masa ke masa membuat semakan terhadap projek penyelidikan tersebut.
- c) Mencapai dan membuat pemantauan terhadap fasiliti, prosedur, latihan dan penglibatan orang yang pakar dalam bidang penyelidikan yang melibatkan bahan biologi berisiko.
- d) Menyampaikan pemberitahuan kepada Penyelidik Utama tentang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Biokeselamatan Universiti samada kelulusan, semakan semula atau penolakan terhadap permohonan berkenaan semua aktiviti berkaitan dengan penggunaan bahan biologi berisiko dalam penyelidikan.
- e) Menilai dan menetapkan tahap kawalan bagi penyelidikan bahan biologi berisiko dan mengubah tahap kawalan jika perlu.
- f) Menilai tahap penyelidikan di lapangan bagi memastikan pemantauan kepada risiko, pengurusan risiko dan pelan tindakan kecemasan adalah bersesuaian.
- g) Mengamal dan melaksanakan pelan tindakan kecemasan meliputi tumpahan sengaja dan penyakit pekerjaan akibat daripada penyelidikan bahan biologi berisiko.
- h) Mengkaji semula dan melaporkan kepada Naib Canselor apa-apa masalah dengan ketidakpatuhan terhadap Akta Biokeselamatan 2007 dan Peraturan Biokeselamatan 2010 (Kelulusan dan Pemberitahuan) dan perkara yang penting berkaitan dengan kemalangan atau penyakit pekerjaan ketika membuat penyelidikan.
- i) Memastikan maklumat yang diberikan dalam borang permohonan berkaitan (Kelulusan / Pemberitahuan) adalah betul dan lengkap.
- j) Membantu dalam pembangunan prosedur yang bersesuaian seperti yang dikehendaki oleh Lembaga Biokeselamatan Negara, untuk menyelia pemilikan dan / atau penggunaan bahan-bahan biologi berisiko.
- k) Mengesyorkan penggantungan kelulusan projek bagi pemilikan atau penggunaan bahan biologi berisiko dalam penyelidikan apabila Jawatankuasa Biokeselamatan Universiti mendapati syarat penggunaan atau pemilikan bahan tersebut tidak dipatuhi atau ia akan menjadi ancaman kepada kesihatan dan keselamatan masyarakat. Menyediakan prosedur susulan yang merangkumi ulasan biokeselamatan dengan penambahbaikan / pengubahsuaian atau pemberhentian kelulusan projek dengan membuat pemberitahuan kepada Naib Canselor.

- l) Secara rutin mengkaji dan jika perlu membuat penambahbaikan terhadap dasar dan prosedur Jawatankuasa Biokeselamatan Universiti untuk memastikan pematuhan terhadap Akta Biokeselamatan 2007 dan Peraturan Biokeselamatan 2010.
- m) Melulus permohonan penyelidikan bioteknologi moden yang di majukan oleh penyelidik di Universiti merangkumi perkara berikut;-
  - i. Penggunaan pelbagai bahan biologi berisiko yang boleh mendatangkan bahaya kepada individu dan persekitaran.
  - ii. Penyelidikan yang melibatkan bahan biologi berisiko berbahaya dalam sampel dan rawatan sampel.